

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Lisan
- DARIPADA** : Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]
- TARIKH** : 7 Ogos 2017
- SOALAN** : Tuan Khoo Soo Seang minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan bagaimana Kerajaan
boleh meyakinkan para pengguna
tentang tahap keselamatan hasil-
hasil pertanian dan ternakan dari
pasaran tempatan mahupun yang
diimport.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan kesedaran dan permintaan yang semakin meningkat terhadap produk pertanian yang selamat serta mematuhi piawaian yang ditetapkan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meyakinkan para pengguna tentang tahap keselamatan hasil-hasil pertanian dan ternakan dari pasaran tempatan mahupun yang diimport secara :

- i. Menggalakkan penggunaan hasil keluaran pertanian dari ladang-ladang yang diiktiraf dengan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Amalan Penternakan Baik (GAHP). GAP dapat menjamin makanan yang selamat dan berkualiti dengan mengambil kira penggunaan input pertanian seperti baja, racun dan ubat-ubatan secara cekap dan tepat mengikut keperluan serta mesra alam. GAHP pula merangkumi elemen-elemen program pengurusan kesihatan ternakan, program biosekuriti, program sanitari dan fitosanitari serta program pengurusan sisa ladang dan pencemaran yang mampu mengawal penyakit berjangkit ke atas haiwan ternakan;

- ii. Memastikan secara bersama pematuhan para pengusaha dan pengeluar makanan terhadap Akta Racun Makhluk Perosak 1974 di bawah seliaan Jabatan Pertanian dan Akta Makanan 1983 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Kesihatan berhubung pengawalan bagi aspek berkaitan penggunaan racun makhluk perosak serta nilai had maksimum residu racun perosak dalam makanan; dan
- iii. Menggalakkan pengambilan hasil keluaran pertanian yang organik bagi memastikan sumber makanan seperti sayur dan buah-buahan yang diambil lebih berkualiti dan sihat.

Bagi setiap produk hasil pertanian yang diimport, pemeriksaan dokumen dan fizikal akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Hal sedemikian bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Permit Import, Sijil Kesihatan, Sijil Fitosanitasi Invois dan lain-lain serta mengenalpasti risiko penyakit, negara pengeksport dan simptom yang kelihatan.